

Cintailah  
**BAHASA  
KEBANGSAAN  
KITA**

# Memperkasa Sistem Perundangan Negara Melalui Bahasa Melayu

2 mata CPD

30 November 2013 (Sabtu)  
9:00 pagi hingga 12:00 tengah hari

Auditorium Raja Aziz Addruse  
Majlis Peguam, 15 Leboh Pasar Besar  
50050 Kuala Lumpur

**Yuran Pendaftaran | Percuma**

**CPD code: T3/30112013/BC/BC3783/2**

Ceramah ini adalah ceramah yang julung-julung kali diadakan dengan penyertaan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai penceramah tunggal dan utama yang memberi tumpuan kepada topik yang amat penting kepada semua yang terlibat dalam sistem perundangan kebangsaan.

#### Penceramah

Prof Datuk Dr Haji Awang b Sariyan, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

#### Latar Belakang Pendidikan:

- ♦ Ijazah Doktor Falsafah (Linguistik), 1998, Universiti Malaya
- ♦ Ijazah Sarjana Sastera (Linguistik), 1984, Universiti Malaya
- ♦ Ijazah Sarjana Muda Persuratan (Linguistik), 1977, Universiti Kebangsaan Malaysia
- ♦ Diploma Pendidikan, 1977, Universiti Kebangsaan Malaysia



Prof Datuk Dr Haji Awang b Sariyan sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1 Februari 2012 ialah Penyanggand Pertama Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di Republik Rakyat China, yang berpangkalan di Foreign Studies University, Beijing (Januari 2008 – Julai 2011) dan telah dianugerah Profesor Kehormat Beijing Foreign Studies University (31 Ogos 2012).

Sebelumnya beliau merupakan Pengarah Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka; Profesor Bahasa, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia; dan Profesor Bahasa, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya; selain pernah menjadi tenaga akademik di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau pernah dua kali menjadi Profesor Tamu di Universiti Frankfurt Jerman dan beberapa kali di Universiti Sumatera Utara, Indonesia. Beliau turut dilantik menjadi Perunding Seberang Laut Kementerian Pendidikan Singapura sejak tahun 1992 dan telah membentangkan kira-kira 200 syarahan, kertas kerja utama, kertas dasar dan kertas kerja di dalam dan di luar negara (termasuk Australia, Belanda, Brunei Darussalam, Indonesia, Jerman, Kampuchea, Korea Selatan, Perancis, Republik Rakyat China, Singapura, Sri Lanka dan Thailand). Tulisannya meliputi lebih 60 judul buku dan ratusan makalah.

#### Aturcara

08:30 pagi	Pendaftaran Peserta; Ketibaan Tetamu Jemputan
09:00 pagi	Ucapan Alu-Aluan oleh Amirruddin Abu Bakar, <i>Pengerusi bersama Jawatankuasa Bahasa Melayu Majlis Peguam</i>
09:10 pagi	Ceramah Bertajuk "Memperkasa Sistem Perundangan Negara Melalui Bahasa Melayu" oleh Prof Datuk Dr Haji Awang b Sariyan <i>Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka</i>
10:30 pagi	Minum Pagi
11:00 pagi	Persembahan Deklamasi Puisi
11:30 pagi	Sesi Soal Jawab
12:00 tengah hari	Bersurai

#### Borang Pendaftaran

Nama: \_\_\_\_\_

Ahli Bar Malaysia  Pelatih Dalam Kamar  Bukan Ahli  
(Tanda mana yang bersesuaian)

Emel: \_\_\_\_\_

No Ahli (untuk kegunaan Ahli Bar Malaysia sahaja): \_\_\_\_\_

Nama Firma: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

No Tel: \_\_\_\_\_ No Faks: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_ Tandatangan: \_\_\_\_\_

Peserta digalakkan mendaftar awal kerana tempat adalah terhad. Pendaftaran melalui faks dikira sah melainkan notis pembatalan diberi dua hari bekerja sebelum tarikh ceramah. Tarikh tutup penyertaan pada **27 November 2013 (Rabu)**.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, dan penghantaran borang pendaftaran yang lengkap diisi, sila hubungi:

**Siti Mariam bt Zainal Abidin**

(03-2050 2016; mariam@malaysianbar.org.my) atau

**Suhana Mohd Fazil**

(03-2050 2101; suhana@malaysianbar.org.my)

**No Faks: 03-2032 2043**

Anjuran



Majlis Peguam Malaysia  
15 Leboh Pasar Besar  
50050 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2050 2050